

Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan

Che Roseliza Abdullah
Zulnaidi Yaacob
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
zulnaidi@usm.my

Abstrak

Tujuan kajian ini ialah menentukan faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Faktor yang dikaji ialah sokongan, motivasi dan sikap. Data kajian telah dikutip melalui soal selidik ke atas 70 pelajar tahun akhir sebuah universiti. Dengan menggunakan teknik pensampelan purposif, hasil kajian mendapati kecenderungan keusahawanan pelajar kejuruteraan dipengaruhi oleh sikap dan motivasi. Implikasi kajian ini berperanan sebagai input kepada institusi pengajian tinggi dalam merangka kurikulum dan program berkaitan keusahawanan agar agenda melahirkan lebih ramai lulusan universiti yang menceburi keusahawanan dapat ditingkatkan.

Kata kunci: *Kejuruteraan, Keusahawanan, Motivasi, Universiti*

Pendahuluan

Arah kini transformasi pendidikan tinggi di Malaysia memberi penekanan terhadap pengayaan ekosistem keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang mendokumenkan 'keusahawanan' sebagai salah satu projek agenda kritikal. Pematerian jelas agenda 'keusahawanan' dalam satu dokumen perancangan strategik pendidikan tinggi peringkat nasional seperti itu menunjukkan komitmen pihak kerajaan terhadap pemerkasaan strategi ke arah melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan lulusan universiti. Hal ini dilakukan selari dengan hujahan literatur dan data ekonomi akan peranan berkesan aktiviti keusahawanan dalam mengukuhkan ekonomi negara. Seperti dibahaskan secara meluas dalam literatur (cth: Abbas, 2015; Masruki, *et al.*, 2012), bidang keusahawanan membantu negara menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak, meningkatkan inovasi dalam kalangan rakyat serta menambah produktiviti negara. Justeru kajian ke atas faktor yang mempengaruhi pelajar universiti menceburi keusahawanan adalah signifikan

kerana hasil kajian dapat membantu universiti merangka ekosistem, program dan kurikulum keusahawanan yang berkesan agar agenda meningkatkan bilangan lulusan universiti yang menjadi usahawan dapat ditingkatkan. Hal ini kerana, petunjuk semasa menunjukkan peratusan pelajar di Malaysia yang memilih bidang keusahawanan setelah tamat belajar adalah masih rendah, walaupun mereka mempunyai minat terhadap keusahawanan (Ibrahim, *et al.*, 2014). Hal ini kerana pengkaji lepas membahaskan bahawa individu yang mendapat pendedahan meluas tentang keusahawanan tidak menjamin mereka untuk menceburi bidang keusahawanan (Al-Haj & Yusof, 2013).

Banyak kajian telah dilakukan untuk meneliti faktor dorongan pelajar menceburi bidang keusahawanan seperti Nasharudin dan Harun (2010), Ibrahim, *et al.*, (2014) dan Pilus *et al.*, (2012). Hal ini menunjukkan isu kajian ini adalah isu yang sedang mendapat perhatian daripada pengkaji. Namun demikian, kajian-kajian lepas masih belum memadai memandangkan pelajar dilingkungi oleh pelbagai pembolehubah yang unik seperti persekitaran universiti, peringkat pengajian, pengkhususan pengajian, dan sokongan daripada orang di sekeliling. Justeru kajian kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti masih perlu dilakukan, sebelum satu kesimpulan yang tuntas dapat dirumuskan untuk memberi implikasi yang lebih bermanfaat kepada pengamal di institusi pengajian tinggi.

Sasaran pihak kerajaan untuk melahirkan pelajar yang menceburi keusahawanan bukan dibataskan kepada pelajar yang mengikuti program pengajian seperti perakaunan, pengurusan perniagaan dan keusahawanan. Sebaliknya, pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang lain juga disasarkan untuk menceburi bidang keusahawanan seperti pelajar kejuruteraan, pendidikan, teknologi, sains sukan dan sastera. Kajian ke atas pelajar-pelajar dari bidang pengajian yang tidak mempunyai komponen kurikulum keusahawanan yang signifikan adalah menarik kerana kajian dapat mengetahui kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mempunyai pendedahan pendidikan dan latihan formal yang terhad dalam aspek keusahawanan. Hal ini kerana pelajar dalam program pengajian yang bukan berkaitan dengan perniagaan dan keusahawanan secara langsung turut didedahkan dengan komponen keusahawanan dalam beberapa kursus yang diikuti, namun adakah pendedahan yang terhad ini memadai? Adakah pelajar ini mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi walaupun mereka diberikan pendedahan keusahawanan yang terhad? Bagi pelajar sains sukan, kajian lepas

melaporkan tahap kecenderungan mereka untuk menceburi keusahawanan yang berkaitan dengan sukan adalah tinggi (Pilus *et al.*, 2012). Penemuan berbeza dilaporkan tentang kecenderungan keusahawanan tani dalam kalangan pelajar sains pertanian (Ibrahim *et al.*, 2014). Namun kajian ke atas pelajar dari bidang lain masih terbatas, sedangkan semua pelajar dari pelbagai bidang pengajian mempunyai potensi untuk menjadi usahawan (Zani, Ahmad & Zakaria, 2016).

Kajian ini signifikan kepada literatur dan pengamal di universiti. Literatur keusahawanan pelajar sedang berkembang dengan beberapa arah aliran. Justeru kajian ini memperkaya literatur dengan mempersembahkan bukti kajian kecenderungan keusahawanan dalam kalangan satu kumpulan pelajar yang khusus iaitu kejuruteraan. Program kejuruteraan bertujuan melahirkan jurutera profesional dengan kandungan kurikulum keusahawanan yang sangat terhad. Kajian ini juga menambah literatur tentang pemilihan kerjaya dalam kalangan lulusan universiti. Pemilihan kerjaya adalah topik kritikal kepada lulusan universiti kerana hal ini berkait rapat dengan masa depan mereka (Nasharudin & Harun, 2010). Kepada universiti, kajian ini membolehkan universiti merangka program dan aktiviti yang lebih berimpak untuk meningkatkan kecenderungan pelajar kepada keusahawanan. Hal ini selari dengan tindakan proaktif yang sedang diambil oleh banyak universiti untuk memperkasa program keusahawanan yang dapat menyokong agenda keusahawanan negara (Zani *et al.*, 2016).

Walaupun pelajar kejuruteraan dilatih untuk menjadi jurutera, namun lulusan kejuruteraan termasuk dalam golongan yang terkesan dengan isu peluang pekerjaan yang terhad (Abbas, 2015). Justeru, lulusan kejuruteraan yang cenderung kepada keusahawanan mempunyai pilihan untuk menjalankan perniagaan seperti menjalankan perkhidmatan kejuruteraan, atau perniagaan-perniagaan lain yang berkaitan dengan kejuruteraan. Lulusan universiti yang mempunyai kemahiran profesional dalam bidang pengajian yang diikuti akan mempunyai nilai tambah jika mempunyai pengetahuan dan kemahiran keusahawanan seperti kajian Pilus *et al.* (2012) yang mendapati pelajar sains sukan berkecenderungan tinggi untuk terlibat dalam keusahawanan sukan.

Penyataan Masalah

Walaupun pelbagai perancangan telah dilaksanakan untuk meningkatkan minat rakyat Malaysia terhadap keusahawanan (Samsudin, *et al.* 2016), pengkaji lepas melalui tinjauan ke atas literatur merumuskan bahawa peratusan rakyat Malaysia yang menceburi keusahawanan adalah masih rendah (Nawang *et al.*, 2016). Potensi Malaysia dalam menyediakan ekosistem keusahawanan diakui sebagai baik, namun penyertaan rakyat dalam keusahawanan belum melibatkan rakyat dari kumpulan masyarakat yang menyeluruh (Masruki *et al.*, 2012). Hal ini turut berkait dengan kebanyakan belia di Malaysia termasuk pelajar universiti lebih memilih untuk bekerja sama ada dalam sektor swasta atau awam daripada bergelar usahawan (Sarif & Amran, 2006), sedangkan pasaran kerja adalah terhad (Abbas, 2015) yang turut menyumbang kepada isu pengangguran dalam kalangan lulusan universiti. Hal ini merupakan isu yang memerlukan penelitian segera kerana bilangan tinggi rakyat menceburi keusahawanan adalah penting untuk menyokong sebuah negara berpendapatan tinggi (Ooi & Ahmad, 2013), iaitu hala tuju yang mahu dicapai oleh negara. Selain itu, penglibatan rakyat dalam keusahawanan juga dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia (Salleh *et al.*, 2016). Bagi meningkatkan bilangan rakyat Malaysia menceburi keusahawanan, terdapat pelbagai strategi dan kumpulan tumpuan yang diberikan fokus oleh pihak kerajaan termasuk pelajar-pelajar di universiti.

Justeru pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi memberi fokus kepada melahirkan lebih ramai pelajar yang menceburi keusahawanan setelah tamat pengajian. Namun demikian statistik menunjukkan bahawa prestasi universiti di Malaysia dalam melahirkan pelajar yang memilih keusahawanan sebagai kerjaya adalah masih rendah. Literatur melaporkan terdapat jurang antara jangkaan kerajaan terhadap penglibatan belia dalam keusahawanan dengan bilangan penglibatan belia yang sebenar (Mustapha & Selvaraju, 2015). Angka yang dicapai menunjukkan terdapat lompong yang masih belum diisi. Justeru pemasalahan ini memerlukan pengkajian lanjut dalam mengenalpasti faktor yang mendorong seseorang pelajar memilih keusahawanan, agar agenda negara untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti keusahawanan dapat ditingkatkan.

Walaupun isu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar telah banyak dilaporkan dalam literatur, sebahagian besar perbincangan adalah terhad kepada persekitaran negara maju (Sandhu *et al.*, 2010). Manakala kajian tentang sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar di Malaysia masih sedikit (Pihie & Bagheri, 2011). Literatur pula membentangkan penemuan rumusan kajian yang pelbagai, sekaligus menunjukkan persoalan penyelidikan tentang faktor kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar masih merupakan isu literature yang sedang berkembang pesat. Hal ini kerana pelajar universiti sebagai responden adalah satu kumpulan manusia yang sangat pelbagai dan memiliki ciri-ciri unik yang menjadikan kesimpulan dari penemuan sesuatu kajian mesti digeneralisasi dengan penuh berhati-hati. Kajian oleh Franke dan Luhthje (2004) melaporkan bahawa terdapat perbezaan tahap kecenderungan keusahawanan antara universiti yang berbeza. Hal ini termasuklah kepelbagaian dari sudut program akademik yang diikuti, profil peribadi, persekitaran universiti dan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan. Sebagai contoh, Nasharudin dan Harun (2010) mendapati bahawa terdapat perhubungan signifikan antara latarbelakang bidang akademik dan kecenderungan keusahawanan. Manakala terdapat kajian yang melaporkan bahawa terdapat perbezaan motivasi untuk menceburi keusahawanan antara pelajar mengikut gender (Garba & Aliyu, 2017).

Objektif

Selari dengan pengenalan dan pernyataan masalah yang dibentangkan di atas, kajian ini menetapkan objektif untuk menentukan hubungan antara faktor sokongan, motivasi dan sikap dengan kecenderungan keusahawanan. Justifikasi pemilihan tiga faktor ini dibahaskan dalam bahagian seterusnya.

Sokongan, Motivasi dan Sikap Keusahawanan

Sokongan adalah faktor penting kepada kecenderungan keusahawanan. Sokongan yang dikaji dalam kajian ini memfokuskan kepada sokongan dan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang dilantik. Agensi kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu golongan usahawan memulakan perniagaan sehinggalah ke peringkat mengembangkan perniagaan, termasuk berperanan mewujudkan polisi dan program sokongan keusahawanan (Garba & Aliyu, 2017). Malahan bagi golongan pelajar, sokongan daripada pihak kerajaan yang disediakan melalui latihan, bimbingan, saluran pemasaran dan bantuan kewangan

membolehkan mereka menceburi keusahawanan setelah tamat pengajian (Nawang *et al.*, 2015). Sokongan daripada agensi kerajaan ini penting kerana Manaf, Omar dan Yee (2012) mendapati kejayaan keusahawanan disumbangkan oleh faktor seperti kemahiran pengurusan perniagaan, perundingan profesional dan modal. Ketiga-tiga faktor ini merupakan antara bentuk sokongan dan bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan melalui latihan, perundingan, pinjaman dan geran. Selain itu, latihan dan perundingan daripada agensi kerajaan dapat mendorong individu menceburi keusahawanan kerana Nawang *et al.* (2016) mendapati bahawa individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan keusahawanan yang baik akan cenderung untuk menjadi usahawan. Malahan aktiviti latihan, bimbingan dan pendidikan keusahawanan membentuk amalan niaga yang positif dalam kalangan usahawan (Tunggak, Salaman & Abu, 2012).

Motivasi adalah faktor penting yang menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan (Majumdar & Varadarajan, 2013) termasuk dalam kalangan usahawan Muslim (Masruki *et al.*, 2012). Motivasi ini dikaitkan dengan manfaat-manfaat yang diperoleh oleh usahawan. Mengikut Masruki *et al.*, (2012), motivasi ini didorong oleh keinginan untuk memiliki perniagaan, penjana kewangan yang dapat digunakan untuk menyara keluarga dan meningkatkan kualiti hidup serta kebebasan dalam bekerja berbanding dengan bekerja makan gaji. Kebebasan dalam bekerja yang diperoleh oleh usahawan juga termasuk dalam aspek mengawal dan membuat keputusan sendiri, manakala usahawan yang berjaya mencapai kedudukan kewangan yang baik memberikan mereka status yang dipandang tinggi oleh masyarakat. Hal ini selari dengan ganjaran yang diperoleh oleh usahawan yang berjaya iaitu pencapaian kewangan dan peribadi (Alhaj *et al.*, 2011). Hal yang sama dilaporkan oleh Nasharudin dan Harun (2010) iaitu keuntungan dan keinginan mencapai matlamat hidup adalah faktor pendorong keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Individu yang mempunyai motivasi keusahawanan yang tinggi mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menjadi usahawan (Seun *et al.*, 2017). Manakala motivasi keusahawanan dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan melalui penyertaan mereka dalam aktiviti keusahawanan di universiti (Seun *et al.*, 2017; Zaki *et al.*, 2016).

Sikap peribadi mempengaruhi kecenderungan keusahawanan individu (Mustapha & selavraju, 2015), termasuklah individu yang kreatif, inovatif, bijak mengurus risiko dan cekap dalam mengenalpasti peluang. Mereka yang memiliki sikap keusahawanan dalam dirinya akan

mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk terlibat dalam keusahawanan (Pihie & Bagheri, 2011). Sebaliknya sikap positif individu terhadap keusahawanan akan mendorong mereka untuk menjadi usahawan, termasuklah sikap positif untuk bekerja sendiri (Iqbal *et al.*, 2012), dan bukannya menjadi pekerja kepada sektor awam atau swasta. Individu yang mempunyai latarbelakang ibu bapa yang terlibat dalam perniagaan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap aktiviti keusahawanan berbanding dengan individu yang mempunyai latar belakang ibu bapa bekerja dalam sektor awam atau sara diri dalam bidang pertanian (Masruki *et al.*, 2012). Sikap positif terhadap keusahawanan juga boleh terbentuk melalui contoh yang dipaparkan oleh individu yang telah berjaya. Seperti dicadangkan oleh Abbas (2015), universiti disarankan meningkatkan jaringan dengan usahawan yang telah berjaya dalam menjalankan aktiviti keusahawanan di dalam kampus supaya pandangan positif pelajar terhadap keusahawanan dapat dibentuk. Aktiviti keusahawanan di dalam kampus yang memberikan pengalaman keusahawanan kepada pelajar mempunyai potensi untuk membentuk sikap positif pelajar terhadap keusahawanan (Salleh *et al.*, 2016).

Kecenderungan Keusahawanan

Keusahawanan mempunyai pelbagai jenis definisi. Namun definisi umum yang boleh dibentuk berdasarkan perbincangan daripada literatur ialah keusahawanan merupakan satu usaha perniagaan sendiri untuk memenuhi keperluan masyarakat dengan mengambilkira aspek risiko melalui pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam mengenalpasti peluang yang muncul (Zani *et al.*, 2016). Kecenderungan keusahawanan merupakan satu isu kajian yang mendapat perhatian banyak pengkaji dan masih merupakan pembolehubah utama dalam literatur keusahawanan (Thompson, 2009), dan sebahagian besar kajian kecenderungan keusahawanan menggunakan pelajar di sekolah, kolej dan universiti sebagai responden (Salleh *et al.*, 2016). Hal ini selari dengan golongan pelajar yang merupakan kumpulan yang sedang menentukan jenis kerjaya yang akan diceburi setelah tamat belajar. Faktor kecenderungan keusahawanan dibahagi kepada dua perspektif iaitu faktor individu dan faktor persekitaran (Samsudin, *et al.*, 2016). Kajian ini mengabungkan kedua-dua faktor dalam menguji penentu keusahawanan iaitu sikap dan motivasi sebagai faktor individu dan sokongan kerajaan sebagai faktor persekitaran. Walaupun kecenderungan keusahawanan berbeza dengan tindakan menjadi usahawan, kedua-duanya adalah berkait rapat (Krueger *et al.*, 2000; Alhaj, *et al.*, 2011). Tahap kecenderungan keusahawanan

boleh dijadikan faktor peramal kepada tindakan keusahawanan yang sebenar (Mustapha & Selvaraju, 2015). Hal ini kerana, individu yang mempunyai kecenderungan terhadap sesuatu perkara akan mendapatkan pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan beliau merealisasikan kecenderungan tersebut, termasuk dalam keusahawanan (Alhaj, *et al.*, 2011)

Kebanyakan kajian tersebut mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (cth: Sandhu *et al.*, 2011; Zani *et al.*, 2016) kerana kumpulan ini merupakan mereka yang akan membuat keputusan sama ada untuk menjadi usahawan atau bersaing dalam pasaran pekerjaan. Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar juga merupakan topik yang banyak dikaji kerana mereka adalah bayangan kepada pasaran kerja pada masa hadapan sama ada pasaran kerja akan dilimpahi dengan lambakan pencari kerja atau mereka akan meringankan masalah pengangguran yang sedia ada. Kecenderungan keusahawanan adalah petunjuk tentang potensi para pelajar untuk menjadi usahawan setelah tamat pengajian kelak. Kajian ke atas kecenderungan keusahawanan kepada golongan pelajar memberi input yang berguna kepada pemegang taruhan seperti universiti dan pihak kerajaan dalam merangka program intervensi yang sesuai agar peratusan pelajar yang menceburi keusahawanan setelah tamat pengajian dapat ditingkatkan. Melalui intervensi yang dilakukan, maka sasaran kerajaan untuk melahirkan lebih ramai pencipta pekerjaan dapat dicapai.

Berdasarkan perbincangan di atas, tiga hipotesis berikut dijana untuk diuji:

H1: Faktor sokongan kerajaan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar kejuruteraan

H2: Faktor motivasi mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar kejuruteraan

H3: Faktor sikap mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar kejuruteraan

METODOLOGI KAJIAN

Instrumen kajian ini dibangunkan berdasarkan Malebana (2014) dan Mustapha & Selvaraju (2015). Jadual 1 menunjukkan keterangan bagi setiap pembolehubah yang diukur. Setiap pernyataan yang mewakili pembolehubah diukur dengan skala Likert 5 mata iaitu 1 untuk paling tidak setuju dan 5 untuk paling setuju. Skor bagi setiap pembolehubah diukur dengan

menilai skor purata ke atas semua pernyataan yang digunakan untuk mengukur pembolehubah berkenaan. Setiap pembolehubah diukur dengan lima pernyataan.

Jadual 1 : Pengukuran pembolehubah

Pembolehubah	Tujuan Pengukuran
Sokongan Kerajaan	Mengukur pengetahuan responden berkaitan sokongan yang disediakan kepada usahawan oleh pihak kerajaan
Motivasi	Mengukur tahap motivasi responden untuk mengikuti jejak ikon usahawan yang telah berjaya, motivasi untuk bersikap kreatif dan mencabar diri sendiri, serta mencapai kedudukan yang lebih baik termasuk dari aspek kewangan
Sikap	Mengukur sikap responden terhadap keusahawanan dari aspek keusahawanan mempunyai banyak kelebihan, daya penarik kerjaya sebagai usahawan, keinginan untuk menjadi usahawan, keutamaan dalam memilih keusahawanan serta sikap positif terhadap manfaat keusahawanan
Kecenderungan keusahawanan	Mengukur pemikiran, perancangan dan tindakan yang dilakukan ke arah menjadi seorang usahawan

Soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar tahun akhir sebuah program kejuruteraan di sebuah universiti iaitu seramai 70 orang. Untuk meningkatkan kadar maklumbalas, pengedaran soal selidik dilakukan sendiri oleh pengkaji mengikut prosedur operasi seperti berikut:

Pertama: Edaran soal selidik dilakukan di dalam dewan kuliah, sebelum aktiviti pengajaran dilakukan dengan mendapat kebenaran daripada pensyarah berkenaan.

Kedua: Penerangan kepada pelajar diberikan berkaitan tujuan kajian dan soal selidik. Responden dimaklumkan bahawa semua maklumbalas adalah untuk kegunaan kajian dan

individu yang memberi maklumbalas tidak boleh dikenalpasti serta penyertaan adalah secara sukarela.

Ketiga: Pelajar diberi masa selama 10 minit untuk menyelesaikan soal selidik dan mengembalikan soal selidik kepada pengkaji.

Analisis Data

Bahagian ini memperincikan analisis ke atas kajian.

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif ke atas responden. Majoriti daripada responden iaitu 62.9 peratus adalah lelaki, manakala bakinya adalah perempuan. Responden terdiri daripada tiga bidang kejuruteraan iaitu mekanikal, elektrik dan sivil.

Jadual 2 : Profil Responden

Butiran	Bilangan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	44	62.9
Perempuan	26	37.1
Program Kejuruteraan		
Mekanikal	17	24.3
Elektrik	27	38.6
Sivil	26	37.1

Ujian kebolehpercayaan

Jadual 3 menunjukkan instrumen yang digunakan untuk mengukur semua pembolehubah mencapai tanda aras ukuran konsistensi dalaman yang boleh diterima. Dalam kata lain,

kebolehpercayaan instrumen adalah baik. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 3, beberapa item digugurkan untuk mencapai nilai Cronbach's alpha yang lebih tinggi.

Jadual 3 : Ujian kebolehpercayaan

Pembolehubah	Bilangan item asal	Item digugurkan	Cronbach's alpha
Sokongan	5	tiada	0.929
Motivasi	5	1	0.915
Sikap	5	2	0.964
Kecenderungan keusahawanan	5	1	0.972

Jadual 4 menunjukkan purata dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah. Nilai purata untuk sokongan ialah 3.3057, motivasi ialah 3.7689, dan sikap ialah 4.0571. Hal ini menunjukkan bahawa skor untuk faktor-faktor ini adalah tinggi melebihi separuh daripada skor penuh 5.000. Dalam kata lain, maklumbalas responden terhadap pernyataan-pernyataan dalam soal selidik adalah ke arah bersetuju. Skor purata kecenderungan keusahawanan ialah 3.7514/5.0000. Hal ini menunjukkan kecenderungan keusahawanan yang tinggi dalam kalangan responden yang dikaji.

Jadual 4 : Analisis deskriptif

Pembolehubah	Bilangan item	Purata	Sisihan Piawai
Sokongan	5	3.3057	1.03544
Motivasi	4	3.7689	0.70084
Sikap	3	4.0571	0.63167
Kecenderungan keusahawanan	4	3.7514	0.81111

Jadual 5 menunjukkan ujian korelasi Pearson antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar yang mempunyai korelasi signifikan dengan kecenderungan keusahawanan ialah motivasi dan sikap. Namun untuk menguji hipotesis, keputusan akan didasarkan kepada ujian regresi.

Jadual 5 : Ujian korelasi Pearson

Kecenderungan keusahawanan	
Sokongan	0.252
Motivasi	0.436*
Sikap	0.765*

*= signifikan pada $p < 0.05$

Hasil ujian regresi ditunjukkan dalam Jadual 6. Semakan ke atas semua andaian untuk ujian regresi telah dilakukan dan didapati data memenuhi semua andaian tersebut.

Jadual 6: Ujian Regresi

Pembolehubah tidak bersandar	Koefisien Terlaras	t	sig	Keputusan
Sokongan	-.184	-1.795	.007*	H1 = Sokong
Motivasi	.017	.151	.881	H2 = Tidak sokong
Sikap	.847	8.403	.000*	H3 = Sokong

R^2 Terlaras = .592 ; Nilai F = 34.324 ; Durbin-Watson = 1.193

Keputusan ujian regresi menunjukkan H1 dan H3 adalah disokong, manakala H2 tidak disokong. Hal ini menunjukkan bahawa sokongan dan sikap adalah mempengaruhi kecenderungan keusahawanan, manakala motivasi tidak mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Nilai $R^2 = 0.592$ menunjukkan bahawa hampir 60% daripada perubahan dalam varian kecenderungan keusahawanan boleh diramalkan oleh pembolehubah tidak bersandar yang dikaji.

Perbincangan Hasil Kajian

Hipotesis satu adalah disokong yang membuktikan bahawa sokongan kerajaan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan seseorang pelajar. Dalam kata lain, pelajar yang berpengetahuan tentang sokongan kerajaan terhadap usahawan adalah mudah diakses, pelbagai, menyeluruh dan mencukupi akan mempunyai kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi. Hal ini dinyatakan oleh Ooi dan Ahmad (2013) tentang sokongan kerajaan sebagai pembolehubah signifikan dalam meramal kecenderungan pelajar untuk memulakan perniagaan. Sokongan-sokongan yang diberikan oleh kerajaan boleh membina persepsi positif terhadap keusahawanan dalam kalangan pelajar. Selain faktor individu, sokongan daripada pihak luar memainkan peranan dalam mendorong individu menceburi keusahawanan (Salleh *et al.*, 2016).

Hasil kajian ini menunjukkan sokongan kerajaan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan pelajar tidak terdorong untuk menjadi usahawan. Justeru penemuan kajian ini memberi implikasi kepada institusi pengajian tinggi untuk menjalankan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi kerajaan yang memberi sokongan kepada aktiviti keusahawanan. Kerjasama ini termasuklah aktiviti penerangan oleh agensi-agensi kepada pelajar, lawatan oleh pelajar ke agensi-agensi ini, dan aktiviti anjuran bersama antara institusi pengajian tinggi dan agensi. Dengan adanya maklumat yang lengkap dan terkini tentang sokongan-sokongan yang disediakan oleh agensi kerajaan kepada usahawan, maka pelajar akan lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan kerana yakin bahawa mereka mendapat sokongan dalam pelbagai bentuk yang memadai seperti latihan, geran, dan pinjaman mudah. Hal ini kerana sokongan komprehensif oleh kerajaan merupakan faktor penting untuk melahirkan usahawan (Klapper, 2004).

Hipotesis 3 juga disokong iaitu sikap mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hal ini menunjukkan individu yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan akan cenderung untuk menjadi usahawan. Sikap positif ini termasuklah berpendapat keusahawanan sebagai satu bidang yang menarik, mempunyai banyak manfaat dan kelebihan. Untuk menunjukkan keusahawanan sebagai sesuatu yang menarik, universiti perlu kreatif dalam merangka aktiviti keusahawanan yang diadakan. Aktiviti yang kreatif dapat membentuk pelajar yang kreatif seterusnya meningkatkan kecenderungan keusahawanan mereka (Zani *et al.*, 2016). Hal ini disokong oleh literatur yang menemui terdapat hubungan yang positif antara penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan dengan kecenderungan terhadap keusahawanan (Iqbal *et al.*, 2012). Pelajar yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan menempuh pengalaman positif akan membina sikap positif terhadap keusahawanan dan seterusnya terdorong untuk menceburi keusahawanan. Oleh yang demikian, institusi latihan perlu sentiasa menyediakan peluang kepada para pelajar untuk terlibat aktif dalam aktiviti keusahawanan supaya sikap positif mereka terhadap keusahawanan dapat dibentuk. Semakin banyak pendedahan yang dilakukan tentang peluang, kejayaan dan kebaikan menjadi usahawan, maka sikap pelajar terhadap keusahawanan akan lebih positif. Hal ini perlu dilakukan kerana sebilangan pelajar membina sikap negatif kepada keusahawanan kerana keusahawanan digambarkan sebagai pekerjaan yang berisiko, sukar, sengit serta memerlukan masa yang banyak. Sikap negatif sebegini telah dilaporkan dalam literatur sebagai antara penyebab kepada pelajar tidak cenderung kepada aktiviti keusahawanan. Walaupun keusahawanan adalah aktiviti yang mempunyai banyak cabaran, namun sikap positif dalam kalangan pelajar boleh dibentuk dengan memberi pendedahan kepada pelajar tentang manfaat menjadi usahawan, bantuan yang disediakan kepada usahawan, peluang mencipta kejayaan melalui usahawan, dan potensi yang boleh dicapai oleh usahawan.

Hipotesis 2 adalah tidak disokong. Hal ini menunjukkan motivasi tidak mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan. Walaupun seseorang pelajar mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengikuti jejak usahawan yang telah berjaya dan mencapai potensi diri yang lebih baik melalui keusahawanan, hal ini tidak mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan mereka. Satu penjelasan yang mungkin dapat menerangkan keadaan ini ialah pelajar tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk memulakan perniagaan dan menyebabkan hal ini sukar dilakukan. Kesukaran untuk memulakan perniagaan

dilaporkan sebagai salah satu sebab yang menghalang individu daripada menceburi keusahawanan (Majid *et al.*, 2008). Seperti dijelaskan dalam kajian lepas, walaupun pelajar mempunyai motivasi yang tinggi untuk memulakan perniagaan tetapi mereka tidak dapat memulakan perniagaan baharu kerana berhadapan dengan persaingan yang sengit dan ketiadaan modal (Ooi & Ahamd, 2013).

Faktor motivasi tidak mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar juga boleh diterangkan oleh mentaliti sebahagian besar pelajar yang masih memilih untuk bekerja apabila tamat pengajian. Dalam kata lain, mereka bermotivasi untuk bergelar usahawan namun tidak bersedia dari sudut tindakan untuk menceburi keusahawanan. Seperti yang dilaporkan oleh statistik, hanya peratusan kecil pelajar yang menceburi keusahawanan, walaupun banyak institusi pengajian yang mengadakan pelbagai program keusahawanan (Nawang *et al.*, 2016)

Limitasi dan Cadangan Masa Depan

Kajian ini hanya mengkaji tiga pembolehubah penentu kepada kecenderungan keusahawanan. Nilai R² dalam ujian regresi sebanyak 59.2% menunjukkan masih terdapat pembolehubah-pembolehubah lain yang tidak dikaji dalam kajian ini tapi berpotensi mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Hal ini adalah selari dengan literatur yang membincangkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan individu seperti pengetahuan, personaliti dan budaya individu serta pengaruh keluarga dan persekitaran institusi latihan. Hal ini kerana pemilihan kerjaya masa depan bagi seorang pelajar adalah suatu perkara yang kompleks. Walaupun bilangan responden dalam kajian ini adalah mencukupi untuk mendapat kesimpulan statistik yang sahih, responden kajian dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi boleh diperluaskan ke institusi lain. Hal ini bagi membolehkan kesimpulan kajian adalah mengambilkira kepelbagaian latarbelakang disiplin pengajian yang diikuti serta persekitaran institusi pengajian tinggi yang berbeza. Sebagai sebuah kajian yang mengutip data menggunakan soal selidik, hasil kajian tertakluk kepada limitasi yang terdapat pada instrumen kajian seperti ini. Justeru kajian pada masa hadapan boleh meneroka kaedah lain seperti kajian kes supaya dapat meneroka faktor-faktor kecenderungan keusahawanan yang tidak dapat dikenalpasti melalui soal selidik berpandu.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa sokongan kerajaan dan sikap individu adalah signifikan dalam mempengaruhi keusahawanan pelajar. Hal ini menunjukkan sokongan kerajaan adalah mustahak untuk terus diperkasa. Oleh itu, universiti disarankan meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan untuk membawa maklumat tentang jenis-jenis sokongan yang disediakan kepada usahawan ke dalam kampus. Pada masa yang sama, universiti mesti mengenalpasti pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan, supaya aktiviti keusahawanan yang dijalankan dapat menghasilkan impak yang lebih baik. Pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan perlu dibimbing sehingga menjadi usahawan. Hasil kajian ini dapat memperkaya literatur keusahawanan dan menjadi input bermafaat kepada institusi pengajian tinggi dalam memperkasa agenda keusahawanan pelajar pada peringkat pengajian tinggi.

Rujukan

- Abbas, L. N. (2015). Entrepreneurial intention among Malaysian engineering graduates: Male versus Female, *Journal of Technical Education and Training*, 7(2), 54-59.
- Alhaj, B. K., Yusof, M. Z. & Edama, N. (2011). Entrepreneurial intention: An empirical study of Community College students in Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 45-58.
- Alhaj, B. K., & Yusof, M. Z. (2013). Sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan : Satu penilaian instrumen dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan, *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 61-69.
- Garba, A. S. & Aliyu, L. R. (2017). Motivation and barriers for business start-up among graduates: A gender difference. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 5(1), 24-38.
- Ibrahim, M. Z., Hamzah, R. & Nazri, M. I. (2014). Tekad keusahawanan tani dalam kalangan pelajar-pelajar pertanian sekolah menengah, *Sains Humanika*, 2(4), 133-138.
- Iqbal, A., Melhem, Y. & Kokash, H. (2012). Readiness of the university students towards entrepreneurship in Saudi Private University: An exploratory study, *European scientific Journal*, 8(15), 109-131.
- Klapper, R. (2004). Government goals and entrepreneurship characteristics: An investigation at a Grande Ecole in France, *Education + Training*, 46(3), 127-137.

- Krueger, N. F., Reilly, M. D. & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions, *Journal of Business Venturing*, 15(5/6), 411-432.
- Lucky, E. O. & Ibrahim, N. A. (2014). Environmental factors and entrepreneurial intention among Nigerian students in UUM, *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4(2), 187-203.
- Luthje, C. & Franke, N. (2004). Entrepreneurial intentions of business students: A benchmarking study, *International Journal of Innovation and Technology Management*, 1(3), 269-288.
- Majid, I. A., Dora, M. T., Kamarudin, M. F. & Hussin, H. (2008). Factors influencing the formation of business ventures, *Journal of Human Capital Development*, 1(1), 29-40.
- Majumdar, S. & Varadarajan, D. (2013). Students attitude towards entrepreneurship: Does gender matter in the UAE? *Foresight*, 15(4), 278-293.
- Manaf, A. A., Omar, N. H. & Yee, L. K. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan, *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 34-45.
- Masruki, R., Zakaria, N., Dali, N. R. S. M., Nordin, S. N. & Salikin, N. (2012). Determinants of motivating Muslims to become entrepreneurs in Malaysia, *Ulum Islamiyah Journal*, 8(June), 97-107.
- Mustapha, M. & Selavaraju, M. (2015). Personal attributes, family influences, entrepreneurship education and entrepreneurship inclination among university students, *Kajian Malaysia*, 33(sup 1), 155-172.
- Nasharudin, N. & Harun, H. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11-17.
- Nawang, W. M. Z. W., Saat, N. H., Ahmad, S. & Mamat, I. (2015). Penggunaan analisis faktor bagi kajian hubungan antara faktor-faktor peramal dengan kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan, *International Journal of Business and Technopreneurship*, 5(2), 293-306.
- Nawang, W. M. Z. W., Saat, N. H., Ahmad, S. & Mamat, I. (2016). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Terengganu, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 87-98.
- Ooi, Y. K. & Ahmad, S. (2013). A study among university students in business start-ups in Malaysia: Motivations and obstacles to become entrepreneurs, *Terengganu International Management and Business Journal*, 3(1), 1-11.

- Pihie, Z. A. L. & Bagheri, A. (2011). Malay student's entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary schools of Malaysia, *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 19(2), 433-447.
- Pilus, A. M., Saadan, R., Aman, S. & Nazarudin, M. N. (2012). Kesiediaan atletik universiti terhadap kerjaya usahawan industri sukan, *Journal of Human Capital Development*, 5(2), 9-17.
- Salleh, N. H. M., Rani, S. H. A. & Latief, D. A. (2016). The influence of college experience on the entrepreneurial intention among IKBN students, *Sains Humanika*, 8 (4-2), 117-119.
- Samsudin, N., Jalil, N. A., Wahid, H. A., Yahaya, R. & Jizat, J. E. M. (2016). Students' readiness, motivation and attitude towards entrepreneurship, *International Business Education Journal*, 9(1), 50-57.
- Sarif, S. & Amran, A. (2016). Keusahawanan di kalangan mahasiswa: Kajian kecenderungan pelajar Muslim di Universiti Malaya, *Jurnal Syariah*, 14(1), 93-109.
- Sandhu, M. S., Fahmi, S. & Riaz, S. S. (2011). Entrepreneurship barriers and entrepreneurial inclination among Malaysian postgraduate students, *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 17(4), 428-449.
- Seun, A. O., Kalsom, A. W., Bilkis, A. & Raheem, A. I. (2017). What motivates youth entrepreneurship? Born or made, *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 25(3), 1419-1448.
- Thompson, E. R. (2009). Individual entrepreneurial intent: Construct clarification and development of an internationally reliable metric, *Entrepreneurship Theory & Practice*, 33(3), 669-694.
- Tunggak, B., Salamon, H. & Abu, B. (2012). Pengaruh faktor-faktor demografi terhadap budaya niaga usahawan Bumiputera Muslim, *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 17-31.
- Zaki, S. M., Tajuddin, N. & Asmuis, M. (2016). Student's interest in entrepreneurship: A case study of 'Business Day', *Gading Journal for the Social Sciences*, 1(2), 1-5.
- Zani, R. M., Ahmad, S. S. & Zakaria, A. (2016). The predictors of entrepreneurial intention among undergraduate students, *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 148-158.